

SIRI SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA (WED) PERINGKAT NEGERI MELAKA

PERTANDINGAN KUIZ ALAM SEKITAR TINGKATAN ENAM SECARA ATAS TALIAN

7 JUN 2024 MENARA PERSEKUTUAN, MELAKA - Sepanjang bulan Jun Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka akan menganjurkan beberapa siri sambutan dan aktiviti sempena Hari Alam Sekitar Sedunia (WED) yang berlangsung pada 5 Jun setiap tahun. Sambutan dan aktiviti adalah dijalankan secara kerjasama dan penyertaan Rakan Strategik samada terdiri dari pihak swasta, institusi pengajian, NGO dan jabatan serta agensi kerajaan lain. Semalam telah berlangsungnya Pertandingan Kuiz Alam Sekitar Pelajar Tingkatan Enam (6) secara atas talian.

Kuiz ini diadakan dengan kerjasama daripada institusi pengajian di peringkat sekolah menengah. Penyertaan telah dipanjangkan ke seramai 600 orang murid di SMK Tun Syed Zahiruddin, Merlimau, Melaka. Seramai 324 orang murid telah menyertai pertandingan ini dan kemudian mendaftarkan diri sebagai ahli Rakan Alam Sekitar (RAS). Terima kasih diucapkan kepada pengurusan sekolah yang bersetuju menjalin kerjasama dengan Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka. Ini menunjukkan komitmen yang jitu dan kesedaran alam sekitar yang tinggi di kalangan warga sekolah terbabit. Tahniah diucapkan.

#KementerianSumberAslidanKelestarianAlam

#jabatalamsekitar

#alamsekitartanggungjawabbersama

#jasnegerimelaka